

# UMS Mewakili Malaysia ke Pertandingan SIFE World Cup di Washington DC

Penyertaan SIFE UMS dalam pertandingan SIFE World Cup di Washington DC, Amerika Syarikat pada 30 September hingga 3 Oktober 2012 yang lalu mewakili Malaysia dalam acara tahunan SIFE World Cup setelah menjuarai pertandingan Peringkat Kebangsaan. Penyertaan SIFE UMS kali ini merupakan kejayaan kali yang kedua dalam mewakili negara kerana sebelum ini juga pernah menjadi Juara

kebangsaan pada tahun 2009. Pada pertandingan peringkat kebangsaan 15-17 Julai 2012 yang lepas, SIFE UMS telah berjaya mengalahkan 28 buah IPT yang lain dalam pertandingan Maybank-SIFE Malaysia National Exposition 2012. Pasukan SIFE UMS yang diwakili oleh 13 orang pelajar, 2 orang Penasihat Akademik dan diketuai oleh YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur, Timbalan Naib Canselor

HEPA itu telah melayakkan diri dalam pertandingan antara 39 buah universiti dari seluruh dunia yang juga sebagai juara dan wakil kepada negara masing-masing. SIFE UMS telah membentangkan 3 buah projek keusahawanan komuniti yang telah dijalankan iaitu Mantani Island Fasa 2, Borneo Coco Fasa 3 dan Bio Energy Project Fasa 1.

Projek Mantani Island telah berjaya menghasilkan 'eco-purse' yang dibuat daripada pambalut plastik bahan buangan seperti pambalut plastik makanan. Projek Borneo coco pula merupakan projek untuk membantu usahawan yang terlibat dalam perniagaan puding kelapa di Jalan Sulaman manakala Projrk Bio Gas Energy adalah projek yang menggunakan najis lembu untuk menghasilkan bio gas bagi tujuan membantu penduduk Kampung Mardi, Ulu Sugut membekalkan gas memasak dan gas lampu dengan kerjasama Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah.

